

**SOALAN NO.: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN  
[ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin [ Kuala Nerus ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah kawasan ladang getah yang telah diubah kepada kawasan pembangunan hartanah dan komersial sejak tahun 2010 hingga 2013.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan tanaman getah negara pada tahun 2013 adalah seluas 1.06 juta hektar, meningkat sebanyak 3.9% berbanding dengan keluasan sebanyak 1.02 juta hektar pada tahun 2010.

Tanaman getah di Semenanjung pada 2013 adalah seluas 706,760 hektar, menurun seluas 1,790 hektar (0.2%) berbanding dengan keluasan 708,550 hektar pada tahun 2010. Pengurangan ini berpunca antara lain dari pertukaran tanaman ke tanaman lain dan pembangunan kawasan komersil dan perumahan.

Dalam kes negeri Sabah, keluasan tanaman getah pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 18.3% ke 102,890 hektar, berbanding dengan 87,000 hektar pada tahun 2010. Negeri Sarawak juga telah mencatatkan peningkatan tanaman getah, di mana keluasannya pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 5.9% ke 170,210 hektar, berbanding dengan 160,630 hektar pada tahun 2010. Peningkatan keluasan tanaman getah di negeri-negeri Sabah dan Sarawak disumbangkan oleh kawasan baru tanaman getah pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.